

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 18.11.2015

SOALAN :

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian ada peruntukan untuk membaikpulih rumah-rumah guru dan asrama-asrama murid di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan prihatin akan keperluan membaik pulih dan menaik taraf infrastruktur pendidikan, sekolah, rumah guru dan asrama murid di negeri Sabah dan Sarawak sama ada di dalam bandar mahupun kawasan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan yang telah diangkat untuk diteliti oleh pihak Agensi Pusat bagi pelaksanaan dalam *Rolling Plan 1*, RMKe-11 adalah melibatkan permohonan pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah baharu, rumah guru dan asrama-asrama murid, bangunan tambahan, gantian penuh, kemudahan makmal, bengkel, prasarana sukan dan sebagainya.

Bagi tahun 2015, sebanyak RM19.95 juta telah diagihkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah dan RM15.4 juta kepada JPN Sarawak untuk melaksanakan kerja-kerja yang diperlukan untuk pembaikan rumah guru.

Peruntukan bagi pembaikan asrama adalah termasuk di dalam peruntukan yang telah diturunkan untuk penyelenggaraan institusi pendidikan iaitu RM59.66 juta untuk Sarawak dan RM45.08 juta untuk Sabah.

RJM43